

29/01/2005

MAHATHIR-MESYUARAT

DR MAHATHIR SAMPAIKAN UCAPTAMA DI SIDANG KEMUNCAK DI SRI LANKA

COLOMBO, 29 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad, salah seorang pemimpin Asia paling berjaya, dijangka menyampaikan ucapan di Sidang Kemuncak Global CIMA Sri Lanka 2005 yang akan berlangsung pada bulan Mei.

Turut sama menyampaikan ucapan pada sidang itu ialah bekas kapten pasukan kriket Pakistan Imran Khan.

Dr Mahathir juga merupakan antara pemimpin perniagaan Asia dan Sri Lanka yang akan mengambil bahagian dalam mesyuarat profil tertinggi pada 26-27 Mei.

Antara mereka yang akan menyertai mesyuarat itu ialah anak kelahiran Sri Lanka Raj Rajaratnam, pengasas dan rakan pengurusan The Galleon Group yang berpangkalan di AS dan merupakan salah seorang pelabur terbesar dalam bursa Colombo, ketua pegawai eksekutif AirAsia Bhd, Tony Fernandes dan Priyan Fernando, naib eksekutif presiden dan ketua pegawai operasi Global Business Travel. -- BERNAMA

FS MKO AA